# PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran penulis panjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan keizinannya jualah, penulisan ini telah berjaya disudahkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Dalam ruangan yang serba ringkas ini, penulis ingin merakamkan rasa terima kasihnya kepada yang mulia Al Fadhil Ustaz Syed Abdur Rahman Haji Syed Hussein di atas segala bimbingan dan tunjuk ajarnya yang amat berharga bagi penulis dalam usaha menyiapkan kajian ilmiahnya ini. Hanya kepada Allahlah jua penulis serahkan untuk membalas segala pengorbanan yang beliau telah sumbangkan itu.

Tidak lupa juga penulis menyampaikan rasa terima kasihnya kepada semua pihak yang terlibat dan memberikan segala bentuk kerjasama yang amat baik sehinggalah pengkajian ini dapat diselesaikan. Terima kasih penulis kepada semua petugas-petugas Islamic Outreach yang telah banyak memberikan maklumat-maklumat yang berharga dan segala bentuk pertolongan yang telah dihulurkan terutama pada kak Normah, Sister Animah Ferrear, Brother Ayob dan lain-lainnya. Sesungguhnya cita cita dan tugas yang kalian lakukan adalah murni. Teruskan perjuangan kalian.

Terima kasih jua penulis rakamkan pada Pusat Islam dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan di atas segala data dan maklumat yang telah diberikan. Dan terima kasih jua pada pihak perpustakaan

yang telah bermurah hati membenarkan penulis untuk membuat rujukan terutamanya perpustakaan Universiti Malaya, Pusat Islam dan Universiti Islam Antarabangsa.

Pada rakan-rakan seperjuangan, terima kasih buat kalian di atas segala tenaga dan buah fikiran yang amat berharga khas buat Tipah,Dee, Liza, Yati,Pah dan lain-lainnya. Semoga kebahagiaan sentiasa menjadi milik kalian.

Akhirnya terima kasih pada kedua ayah dan ibu, kakak-kakak, abang dan seluruh keluarga di atas segala nasihat berguna,budi baik, dorongan dan di atas segala-galanya. Semoga hidup kalian sentiasa di dalam peliharaanNya. Amin.

Nor Patimah Bte Abd. Rahim,
Batu 20, Kampung Sungai Rambai,
77400, Melaka.

# KATA PENGANTAR

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على اشرف الانبياء • والمرسلين وعلى آله واصحابه اجمعين •

Dengan keberkatan dan keizinanNya jualah, penulis telah dapat menyiapkan satu kajian ilmiah yang telah dipertanggongjawabkan ke atas setiap penuntut tahun akhir bagi memperolehi gelar Sarjana Muda Usuluddin.

Persoalan yang dibicarakan oleh penulis adalah berhubung dengan da$^{c}$wah. Secara umumnya terdapat berbagai-bagai Gerakan Da$^{c}$wah di Malaysia umpamanya ABIM, Al Arqam, PERKIM dan sebagainya yang mempunyai cita-cita yang sama-sama tetapi saluran yang berlainan. Ada Badan Da$^{c}$wah yang bergerak berdasarkan wadah politiknya, ada pula yang bergerak berdasarkan wadah tariqatnya dan ada segala bentuk wadah bagi setiap Badah Da$^{c}$wah.

Di antara salah satu Gerakan Da$^{c}$wah yang bergiat cergas di Malaysia khasnya di Wilayah Persekutuan ialah Badan Da$^{c}$wah ABIM. Penulis merasa amat tertarik di atas minat dan kesedaran Badan Da$^{c}$wah ini melahirkan suatu program da$^{c}$wahnya kepada golongan non muslim dan saudara baru. Pada dasarnya golongan bukan Islam, bukanlah tidak mahu langsung untuk mengenali Islam secara lebih dekat tetapi gambaran yang diberikan oleh umatnya mendatangkan kekeliruan terhadap mereka. Sebagai umat Islam, marilah sama-sama kita berazam untuk membersihkan segala tanggapan salah mereka dan berusaha untuk menjadi-

kan diri kita sebagai satu umat contoh yang bukan hanya berjaya di akhirat malah berjaya di dunia ini.

Semoga kajian ini akan dapat dimanfaatkan oleh seluruh pencinta Islam dan pengkaji-pengkaji seterusnya.

Sekian Wasalam.

Salam hormat dari penulis,

Nor Fatimah Bte Abd. Rahim,
Fakulti Usuluddin,
Akademi Islam ,
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.